

07/03/2002

PM tandatangan surat Akujanji

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menandatangani Surat Akujanji di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara.

Selepas menandatangani, Perdana Menteri menyerahkan surat itu untuk ditandatangani dan disahkan oleh Seri Paduka.

Majlis itu turut disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara itu, anggota pentadbiran Kerajaan Pusat yang lain termasuk menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik menandatangani Surat Akujanji itu di hadapan Perdana Menteri selepas mesyuarat mingguan Kabinet di sini, petang ini.

Surat Akujanji itu mengandungi sembilan perkara termasuk ikrar taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan; tidak menyalahgunakan kuasa bagi kepentingan diri dan keluarga; tidak berkelakuan yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama serta kredibiliti negara dan kerajaan.

Majlis menandatangani Surat Akujanji itu diketuai Abdullah, diikuti Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang mewakili menteri kabinet dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, yang mewakili timbalan menteri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khamsiyah Yeop, pula mewakili setiausaha parlimen manakala Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri, Datuk Johari Baharom, mewakili setiausaha politik.

Dr Mahathir, dalam ucapan ringkas pada majlis itu, berkata Surat Akujanji bukanlah satu sumpah kerana anggota pentadbiran Kerajaan Pusat sudah mengangkat sumpah semasa mula-mula memegang jawatan.

Sebaliknya, katanya, ia sebagai satu pengakuan dan niat untuk menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

"Walaupun kita sudah menjalankan tugas dengan baik, masih ada ruang untuk memperbaikinya," katanya.

Dr Mahathir berkata, daripada pemerhatian ketika lawatan ke luar negara, beliau mendapati pentadbiran kerajaan Malaysia adalah yang terbaik kerana mengambil pendekatan yang praktikal dengan anggota pentadbiran kerajaan terbabit secara langsung dalam pelaksanaan keputusan.

Katanya, pendekatan itu juga membolehkan negara menangani krisis kewangan pada 1998 apabila pasukan pengurusan krisis yang ditubuhkan kerajaan menyemak setiap pendekatan dan langkah yang dilaksanakan pada setiap hari.

"Saya berharap sikap ini akan berterusan dan anggota pentadbiran akan memberikan komitmen sepenuhnya kepada cara pentadbiran negara ini," katanya.

(END)